



SEMESTER I SIDANG AKADEMIK 2020/2021

HMT 211: FONETIK BAHASA MELAYU

LATIHAN 2 HMT211



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

NAMA PENSYARAH: PUAN NORHANIZA BINTI ABDUL KHAIRI

TARIKH: 4 DISEMBER 2020

Latihan tutorial 2

1. Bagaimana [e] **dibunyikan**. Tunjukkan **contoh bunyi (rakaman suara)** dan esei pendek membincangkan **perbandingan bunyi [e] dalam beberapa bahasa di dunia** yang menggunakan bunyi ini dalam pertuturan mereka.

[e] merupakan satu daripada enam vokal Bahasa Melayu. [e] merupakan vokal hadapan separuh tinggi. Vokal [e] dalam carta IPA juga dikenali sebagai e-talling. Bagi menghasilkan bunyi vokal [e], kita perlu memastikan bahagian bibir atas dan bibir bawah hendaklah dihamparkan. Kemudian, hadapan lidah pula dinaikkan separuh tinggi iaitu rendah sedikit sahaja daripada bunyi vokal [i]. Manakala langit lembut dan anak tekak pula perlu dinaikkan dengan menutup bahagian rongga hidung. Oleh itu, udara dari paru-paru dapat disalurkan keluar ke rongga mulut tanpa menerima sebarang gangguan. Bahagian pita suara dirapatkan serta digetarkan. Vokal [e] ini boleh berada pada tiga kedudukan iaitu di awal perkataan, tengah dan akhir perkataan. Contoh perkataan bagi [e] ialah seperti, [ekor], [enak], [kekok], [belok], [taughe], [sate]. Penggunaan vokal [e] juga berlaku dalam dialek di Malaysia. Sebagai contohnya, kehadiran vokal [e] dalam dialek Terengganu. Bunyi [e] hadir di awal perkataan seperti perkataan [bekeng] bermaksud garang, tengah perkataan seperti [celeng] iaitu tabung syiling dan di akhir perkataan iaitu [abe] yang bermaksud abang.

Penggunaan vokal [e] juga telah diperluaskan ke beberapa bahasa di dunia. Antara contoh bahasa di dunia yang menggunakan bunyi ini di dalam pertuturan mereka ialah bahasa Turkish yang telah membunyikan bunyi yang sama dengan bahasa Melayu namun ia berbeza dari aspek suprasegmental yang bermaksud unsur-unsur bahasa yang terdapat dalam Bahasa Melayu yang terdiri daripada tekanan, nada, dan intonasi. Antara contoh bunyi [e] dalam Bahasa Turkish ialah perkataan [elma] bermaksud buah, [erek] bermaksud tujuan, [hedef] bermaksud sasaran, [bebek] bermaksud bayi, dan [ev] bermaksud rumah. Selain itu, kita juga dapat lihat kehadiran bunyi [e] dalam Bahasa Vietnam yang memiliki dua kategori lambang IPA iaitu suprasegmental dan diakritik. Bahasa Vietnam ini adalah bahasa yang bernada iaitu setiap perkataan bergantung kepada nada bunyi. terdapat beberapa diakritik dalam Bahasa Vietnam, iaitu antaranya bunyi tirus [é] dengan perkataan [ép] yang bermaksud memerah, cangkuk [ê] dengan perkataan [êng] yang membawa makna penyodok, tittle [ë] dimana contoh perkataannya ialah [ëm] yang bermaksud zink dan titik di bawah [e] dengan perkataan [eo] iaitu sedikit.

2. Kenalpasti perbezaan [a] yang dikemukakan dalam rajah kardinal vokal dalam carta ipa.

Nyatakan perbandingan dalam bentuk jadual dengan sokongan hujah.

	Hujah Penerangan	Awal perkataan	Tengah perkataan	Akhir perkataan
VOKAL DEPAN SEPARUH LUAS [æ]	Lidah terletak hampir sekali dengan kedudukan vokal luas, cuma lebih rendah sedikit. Ia dibunyikan apabila Lidah berkeadaan mendatar ke depan secara selari. Bahagian tengah lidah dinaikkan antara kedudukan tengah terbuka dan terbuka sepenuhnya. Bibir dalam keadaan neutral. Berdasarkan artikel Vokal Schwa Dalam Kata Pinjaman Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris terdapat perkataan yang menggunakan vokal ini hadir dalam perkataan Bahasa inggeris.	[ælluminium] [æmpere]	[Pltæinum] [Pottæesium]	[væn]- van Bunyi sebutan Bahasa inggeris
VOKAL DEPAN LUAS [a]	Berdasarkan Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar dalam buku Fonetik & Fonologi. Depan lidah diturunkan ke titik paling bawah dalam rongga mulut. Lelangit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil mengetarkan pita suara . Ketika membunyikan vokal ini bibir hendaklah dalam keadaan terhampar .	[aku], [akar], [atap]. [asap]	[padi], [paku], [bahu], [dadu]	[bila], [rasa], [tiba], [kuda], [kelapa]
VOKAL TENGAH [ɐ]	Ketinggian vokalnya adalah hampir luas. Lidah terletak hampir sekali dengan kedudukan vokal luas, cuma lebih terjerut sedikit. Vokal ini boleh berbentuk bundar dan tidak bundar. Menurut <i>phonetische Zeichen</i> dan keterampilan berbicara dalam Bahasa Jerman terdapat beberapa perkataan dari perkataan bahasa ini yang menggunakan bunyi vokal ini.	[Ate]	[derWünsch] [d e ɐ v Y n ʃ s t] - Keinginan	[die Töchter] [di : t ø ç t e ɐ] – anak perempuan
VOKAL BELAKANG LUAS BUNDAR [ɑ]	Berdasarkan buku Pengantar Fonetik serta buku Teori dan Kedah Fonetik menyatakan, Belakang lidah diletakkan di titik paling bawah dan sejauh-jauhnya ke belakang terus-menerus. Lelangit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil mengetarkan pita suara . Semasa melafazkan bunyi vokal ini bibir hendaklah berada dalam keadaan bundar .	[aiskrim]	[gulai]	[Merdeka]
VOKAL BELAKANG LUAS TAK BUNDAR [ɒ]	Bahagian belakang Lidah diturunkan ke kedudukan yang hampir terbuka sepenuhnya dan bibir sedikit membundar.	[Alasan] [Apakah]	[Salah] [Mati]	[Anda] [Cara]

Rujukan soalan 1

- Asmah Haji Omar. (2018). Teori dan Kaedah Fonetik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Evandari Oktarini. (2012). Reformasi Bahasa Turki Pada Masa Pemerintahan Mustafa Kemal Atatürk (1928-1936). Sarjana Humaniora. Fakulti Ilmu Pengetahuan Budaya. Program Studi Arab.
- Hendrokumoro. (2009). Bahasa Vietnam sebagai Bahasa Nada. *Fakultas Ilmu Budaya*. Vol 21 (2), 188-202
- Indirawati Zahid & Abdul Hamid Mahmood. (2016). Pengantar Fonetik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2012). Fonetik dan Fonologi Edisi Kedua. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Selangor.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud. (2019). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Malaysian Journal of Social Science*. Jilid. 4 (1), 102-112
- Nurliayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz. (2016). Perbandingan Inventori Vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. Vol 4(2), 2016: 73 - 81

Rujukan soalan 2

- Ahmad Fauzi Yahaya, Syahirah Almuddin & Mohd Zulkhari Abd Hamid. (2016). Vokal Schwa Dalam Kata Pinjaman Bahasa Arab. *Voice of Academia* Volume 11 (1), 18-29.
- Asmah Haji Omar. (2018). Teori dan Kaedah Fonetik. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2012). Fonetik dan Fonologi Edisi Kedua. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Selangor.
- Jujur Siahaan. (2016). Kontribusi Phonetische Zeichen terhadap Keterampilan Berbicara Bahasa Jerman Mahasiswa.
- Mukhlis Abu Bakar. (2019). Sebutan Johor-Riau dan Sebutan Baku dalam Konteks Identiti Masyarakat Melayu Singapura. *Issues in Language Studies*. Vol 8 No 2, (61-79)